

Ubah minda generasi muda, kuasai pelbagai kemahiran



Pensyarah Kanan
Fakulti Sains dan
Teknologi Industri
(FSTI), Universiti
Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah
(UMPSA)

Oleh Dr Ahmad Mahfuz Ghazal
bhrencana@bh.com.my

Belum terlambat untuk kita mengucapkan tahniah kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang. Kepada masih terdapat sebab dan tujuan seterusnya, pastikan anda menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT), sama ada mengambil kursus diploma, sijil profesional atau matrikulasi.

Sebenarnya, setiap calon mempunyai pelbagai pilihan, sama ada melalui permohonan UPUOnline atau kemasukan secara terus ke IPT pilihan anda.

Bagaimanapun di sebalik pelbagai pilihan dan laluan disediakan dalam konteks melanjutkan pengajian ke IPT, kita bimbang dengan trend baharu ini.

Menurut Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, seramai 180,680 graduan SPM 2021 atau 48.74 peratus memilih untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, iaitu meningkat daripada 115,939 calon SPM 2020 yang memilih untuk tidak menyambung pengajian.

Apapun sebabnya, perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana ia akan mendatangkan kesan buruk kepada produktiviti negara pada masa hadapan.

Bagi menangani masalah ini, perubahan minda

mesti berlaku di sekolah menengah di seluruh negara, iaitu pengajian tinggi mesti dilihat sebagai satu pelaburan, bukan beban.

Pengajian tinggi perlu dilihat sebagai peluang meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dengan baik memandangkan bahasa berkenaan digunakan secara meluas sebagai bahasa perniagaan dan komersial.

Menurut Pro-Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tan Sri Azman Hashim, kebolehan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik dalam kalangan siswazah universiti menunjukkan penurunan ketara.

Tingkatkan kemahiran insaniah, komunikasi

Peluang ini mesti dimanfaatkan dengan sebaik mungkin kerana banyak IPT menjalankan kursus dalam bahasa berkenaan.

Kemahiran berbahasa Inggeris yang baik membolehkan siswazah mendapat peluang pekerjaan lebih baik, setimpal dengan kelayakan mereka.

Selain itu, melanjutkan pengajian di universiti juga peluang terbaik untuk pelajar membina rangkaian luas.

Pelajar bukan sahaja berpeluang bertemu dengan rakan dalam kursus sama, malah mampu berkenalan dengan pelajar daripada kursus lain. Jaringan dibina ini mampu menjadi aset kepada mereka pada masa akan datang.

Melanjutkan pengajian di menara gading mem-

bolehkan pelajar meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritis.

Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dalam kenyataan menyatakan ranking universiti tempatan tidak bermakna jika siswazah tidak mempunyai kemahiran insaniah baik.

Berdasarkan tinjauan dijalankan persatuan berkenaan, satu pertiga daripada syarikat di negara ini berharap siswazah mampu melakukan pelbagai tugas dan bekerja secara efektif dalam pasukan berprestasi tinggi.

Antara kemahiran insaniah yang penting ialah kerjasama berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berfikir secara kritis.

Kita akui ramai anak muda memilih pekerjaan gig sebagai pilihan utama selepas tamat SPM untuk mendapatkan gaji lebih lumayan dan waktu bekerja fleksibel.

Soalnya, berapa lama seseorang mampu menjadi pekerja gig? Tanpa laluan kerjaya jelas, pekerja gig bergantung kepada kekuatan fizikal untuk melengkapkan tugas diterima.

Melengkapkan pengajian tinggi memerlukan biaya tinggi, namun pulangan diperoleh dari segulung ijazah melebihi kos dilaburkan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Ubah minda generasi muda, kuasai pelbagai kemahiran

16 May 2025